

## Maklumat Komoditi : Melor

### Maklumat Umum

Bunga melor atau melati dipercayai berasal dari India. Terdapat beberapa spesis yang ditanam di Malaysia dan ia berbeza dari segi bentuk pokok dan warna bunga. Jenis yang popular ialah jenis Jasminum sambac yang berbunga putih bersih, berkelopak selapis atau berlapis dan berbau harum.

Di Malaysia pokok bunga melor ditanam secara kecil-kecilan sekadar penghias laman. Ia digunakan oleh orang Melayu dan India di dalam upacara-upacara adat dan keagamaan selain daripada penghias di rambut. Memandangkan kepada permintaan yang meningkat masa kini tanaman ini mempunyai potensi untuk diusahakan secara komersil. Selain untuk kegunaan segar, bunga melor juga diguna untuk menghasilkan minyak dan digunakan sebagai satu bahan di dalam 'pot-pourri' dan aromaterapi.